



## Pementasan drama "Pertemuan" 16 Dis ini

KUCHING, Khamis.— Unimastage, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan mengadakan pementasan drama berjudul 'Pertemuan' pada 16 Disember ini.

Persembahan yang bermula jam 7.30 malam itu akan diadakan di Panggung Eksperimen UNIMAS di Kota Samarahan.

Menurut jurucakapnya, persembahan itu adalah hasil gabungan kreatif para pelajar dan pensyarah UNIMAS yang mengikuti kursus elektif Teater Produksi II dan Teater Produksi III.

Katanya, persembahan itu adalah di bawah arahan Encik Hamzah Tahir.

Beliau berkata, objektif utama pementasan drama 'Pertemuan' adalah untuk mengasah bakat pelajar dalam seni lakonan.

"Watak yang dibawa adalah Nyai Sunarti di dalam drama 'Lantai T. Pinkee' yang dihasilkan oleh sasterawan negara, A. Samad Said.

"Drama ini menyingkap sebahagian daripada penderitaan dan kekecewaan seorang penari joget moden di Singapura pada era 50-an," ujarnya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Manakala, watak Sharifah Rokiah dalam 'The Stronger' oleh August Strindberg pula, katanya, mengalami masalah rendah diri, sentiasa dibayangi oleh wajah Nyai Sunarti dan merupakan pesaing utamanya dalam segala hal.

Malah, sebagai wanita, dia ingin mempertahankan kedudukan sebagai isteri dan terutama sekali sebagai wanita.

Selain daripada menemukan Nyai Sunarti dan Sharifah Rokiah, produksi 'Pertemuan' juga menemukan dua kursus dari Program Drama dan Teater, iaitu Teater Produksi II dan Teater Produksi III.

"Teater produksi II menekankan aspek teknikal dan pengurusan dalam pementasan secara profesional, manakala Teater Produksi III pula tertumpu dari segi aspek pementasan teater secara profesional keseluruhannya," katanya.

Arkib  
NEW  
51.02  
35  
1997